



## UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Karung Berkunci 1200, Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh, Melaka.  
Tel : 06-233 2260 Faks : 06-233 2277  
Email : [bendahari@utem.edu.my](mailto:bendahari@utem.edu.my)

### PEJABAT BENDAHARI

Ruj. Kami (Our Ref) : UTeM.03.02/10.12/3/1(26)  
Ruj. Tuan (Your Ref) :



12 November 2008  
14 Zulkaedah 1429H

### SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 10/2008

Semua  
Ketua Pusat Tanggungjawab  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Prof./Tuan/Puan,

### PINDAAN KEPADA PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 1 TAHUN 2008 MENGENAI LANGKAH UNTUK MENGURANGKAN PERBELANJAAN AWAM

#### 1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan pindaan kepada Pekeliling Bendahari bilangan 1 tahun 2008 berhubung langkah berjimat cermat.

#### 2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Kerajaan telah mengeluarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan bilangan 4 tahun 2008 (dilampirkan) bagi **membatalkan** perenggan 11 dan 12 di dalam Pekeliling Perbendaharaan bilangan 9 tahun 2008.
- 2.2 Sehubungan dengan ini, Kerajaan telah bersetuju untuk **membenarkan semula penggunaan hotel** bagi penganjuran persidangan/seminar/kursus/mesyuarat dan bengkel tetapi tertakluk kepada jumlah peruntukan yang telah diluluskan untuk tujuan tersebut.

#### 3.0 TANGGUNGJAWAB

- 3.1 Semua Pusat Tanggungjawab (PTj) hendaklah memastikan surat pekeling ini **dipatuhi sepenuhnya**.
- 3.2 Pelaksanaan perkara-perkara yang **tidak dibenarkan** di dalam pekeling-pekeling Bendahari yang dikeluarkan hendaklah mendapat kelulusan Y. Bhg. Naib Canselor UTeM.

#### 4.0 TARIKH KUAT KUASA

4.1 Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai Ogos 2008.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”**

Yang benar,



**KHAIRUL BIN TAIB**

Bendahari

Pejabat Bendahari



2260

s.k. Y.Bhg. Prof. Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan  
Naib Canselor

Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Abu bin Abdullah  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Y.Bhg. Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)



**KEMENTERIAN KEWANGAN**

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 4 TAHUN 2008**

Semua Pegawai Pengawal/Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan

**PINDAAN KEPADA PEKELILING PERBENDAHARAAN  
BIL. 9 TAHUN 2008 MENGENAI LANGKAH UNTUK  
MENGURANGKAN PERBELANJAAN AWAM**

Melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2008 mengenai Langkah Untuk Mengurangkan Perbelanjaan Awam, antara syarat yang ditetapkan adalah penggunaan kemudahan hotel hanya dibenarkan bagi mesyuarat/persidangan/ seminar/ bengkel antarabangsa manakala semua kursus, latihan dan bengkel yang dianjurkan oleh Kementerian/ Jabatan/ Agensi untuk anggotanya hendaklah diadakan menggunakan kemudahan sedia ada termasuk Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) atau kemudahan di Kementerian/ Jabatan/ Agensi lain.

2. Kerajaan telah mempertimbangkan perkara ini dan bersetuju untuk membenarkan semula penggunaan kemudahan hotel tertakluk kepada jumlah peruntukan yang telah diluluskan untuk tujuan tersebut. Adalah menjadi tanggungjawab Pegawai Pengawal/ Ketua Jabatan/ Ketua Agensi untuk memastikan perbelanjaan yang berbangkit adalah terkawal dan dianjurkan secara sederhana serta mengikut peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

3. Surat Pekeliling Perbendaharaan ini berkuat kuasa serta merta mulai tarikh ianya dikeluarkan.

4. Dengan berkuat kuasanya Surat Pekeliling Perbendaharaan ini, perenggan 11 dan 12 dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2008 adalah terbatal.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

Saya yang menurut perintah,



( Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah )  
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

13 Ogos 2008

s.k:

Ketua Setiausaha Negara  
Ketua Audit Negara  
Akauntan Negara Malaysia  
Setiausaha Kerajaan Negeri  
Pegawai Kewangan Negeri